

POSITION OF CONDITIONAL HIBAH IN TAKAFUL PRODUCTS: A LITERATURE REVIEW

KEDUDUKAN HIBAH BERSYARAT DALAM PRODUK TAKAFUL: SOROTAN LITERATUR

Siti Rashidah Ismailⁱ & Noor Lizza Mohamed Saidⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Calon Sarjana, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. shidah@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. lizza@ukm.edu.my

Abstract	<p><i>In this globalization era, conditional hibah are applied widely in takaful industry since it was seen as capable of resolving problems on estate management aside from wasiat and faraid. The diversity of scholar's view on conditional hibah has caused confusion to the publics and on status of benefits which derived from the tabarru^c fund also have been ambiguous either be as hibah or vice versa. This article aims to examine the views of scholars on principle of conditional hibah and takaful benefits position. The study is based on qualitative approach which involved library research. The finding indicates that conditional hibah are applicable in takaful benefits payment even though there have been conflicting views among the jurists and vagueness in the aspect of takaful benefits status.</i></p> <p><i>Keyword: Takaful, conditional hibah, takaful benefits, tabarru^c.</i></p>
Abstrak	<p><i>Pada era globalisasi kini, hibah bersyarat diaplikasikan secara meluas dalam industri takaful apabila ia dilihat mampu menyelesaikan masalah pengurusan harta pusaka selain wasiat dan faraid. Kepelbagaian pandangan para sarjana mengenai hibah bersyarat menimbulkan kekeliruan terhadap masyarakat dan status manfaat yang diperoleh daripada tabung tabarru^c juga menimbulkan keraguan sama ada boleh dihibahkan atau sebaliknya. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji pandangan sarjana mengenai prinsip hibah bersyarat dan kedudukan manfaat takaful. Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan kajian perpustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa hibah bersyarat telah diguna pakai semasa pembayaran manfaat takaful meskipun terdapat perselisihan pandangan dalam kalangan ahli fiqh dan kekaburan dari aspek kedudukan manfaat takaful.</i></p> <p><i>Kata Kunci: Takaful, hibah, bersyarat, manfaat, tabarru^c.</i></p>

PENDAHULUAN

Takaful adalah salah satu industri yang telah diperkenalkan di Malaysia melalui penggubalan Akta Takaful 1984. Akta ini menjadi rangka perundangan pertama yang mengawal selia industri takaful. Di samping itu, syarikat takaful berlesen pertama ditubuhkan di Malaysia adalah pada tahun 1985 dan diikuti yang lain sehingga tertubuhnya dua belas syarikat takaful berlesen pada hari ini (Mohamad Akram, 2010).

Menurut al-Zuhaylī (1984), takaful merupakan alternatif kepada insurans konvensional dan tiada perselisihan pendapat antara ulama kontemporari mengenai hukum skim takaful bahawa ia adalah harus. Mohamad Akram (2010) berpendapat

bahawa akad yang diguna pakai dalam sumbangan Takaful ialah kontrak *tabarru^c* iaitu konsep yang berdasarkan penekanan Islam agar umatnya menyumbang sama ada dalam bentuk hadiah, sedekah atau zakat untuk bantu-membantu antara satu sama lain.

Ini berdasarkan firman Allah SWT:

﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ﴾

Maksudnya, “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan” (al-Quran. al-Ma’idah: 5:2).

Menurut Hailani dan Sanep (2009), Skim Takaful Am merupakan perlindungan takaful yang ditawarkan sebagai perlindungan menghadapi bencana dengan menyediakan sejumlah wang tertentu. Manakala Pelan Takaful Keluarga merupakan satu bentuk perlindungan yang bertujuan mengumpul sejumlah wang untuk ditinggalkan kepada waris peserta sekiranya ditakdirkan dia meninggal dunia. Segala ansuran caruman yang dibayar oleh peserta kecuali ansuran manfaat akan dimasukkan ke dalam kumpulan Takaful Keluarga.

Pembayaran manfaat takaful akan dibayar apabila peserta meninggal dunia (Hailani & Sanep 2009). Umumnya, prinsip hibah telah diguna pakai dalam industri kebanyakan produk Takaful Keluarga yang diaplikasikan semasa membayar manfaat takaful. Aplikasi hibah dalam manfaat takaful adalah bagi memastikan bahawa bayaran manfaat tersebut dapat diserahkan kepada keluarga terdekat pencarum tanpa perlu terikat dengan peraturan pusaka (Nasrul, 2010).

Al-Jurjāni (t.th) mendefinisikan hibah dari segi bahasa ialah pendermaan (*tabarru^c*). Manakala dari segi syarak ialah pemilikan sesuatu tanpa balasan. Begitu juga yang ditakrif dalam *Lisān al-^cArab* oleh ibn Manzūr (t.th), hibah merupakan suatu pemberian tanpa sebarang balasan dan tujuan. Menurut al-Zuhaylī (2008), hibah merupakan pemberian mutlak yang bersifat sunnah, bukan kerana suatu kepentingan dan bukan juga bertujuan untuk mendapat imbalan. Ia adalah pemberian hak milik berupa barang ketika hidup tanpa balasan nilai tukar.

Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2012) hibah atau anugerah dari segi bahasa ialah suatu pemberian yang diberikan bukan kerana tanggungjawab tertentu dan pemberian ini memberi manfaat kepada pemberi. Malah, dari segi syarak merupakan suatu akad yang merujuk kepada pemindahan hak milik tanpa sebarang gantian ketika masih hidup dan dilakukan secara sukarela. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hibah merupakan pemberian sesuatu milikan seseorang kepada seseorang tanpa balasan secara sukarela yang berlaku semasa hidup pemberi hibah (Noor Lizza et al, 2013).

Menurut jumhur, akad hibah terbit atas empat rukun iaitu pemberi, penerima, barang yang dihibahkan dan *sighah* (al-Zuhaylī, 1985). Namun begitu, *al-qabḍ* menjadi perselisihan pandangan antara fuqaha sama ada rukun atau syarat sah akad hibah. Mohd Kamil dan Joni Tomkin (2017) berpandangan bahawa apabila sesuatu hibah digantungkan dengan kematian pemberi hibah, ia adalah wasiat dan tertakluk kepada hukum-hukum wasiat. Sebaliknya yang berlaku ke atas pembayaran manfaat takaful, pemberian dilaksanakan selepas kematian peserta bagi tabung *tabarru^c*. Malah, pampasan tersebut bukan hak peserta ketika hidup (Nurdianawati & Nazlianatul, 2010). Walaupun matlamat dan niat pemberi hibah adalah baik tetapi matlamat ini terbatal dan diabaikan kerana wujud pecanggahan dengan matlamat syarak (Mohd Kamil & Joni Tomkin, 2017).

Justeru, sorotan literatur perlu dilakukan bagi menganalisis kajian-kajian lepas berkaitan pelaksanaan hibah bersyarat dan status manfaat takaful bagi mengenal pasti

masalah dan penyelesaiannya supaya amalan hibah dalam produk takaful menepati syarak.

SOROTAN LITERATUR

Isu-isu yang dilontarkan dalam artikel ini adalah cenderung kepada persoalan mengenai keraguan dan kekeliruan prinsip hibah bersyarat dalam kalangan para sarjana. Hal ini berlaku ketika pasaran kewangan Islam menguruskan industri takaful khususnya sekaligus memberi impak terhadap status manfaat takaful. Kekaburan berlaku dari sudut sumbangan peserta-peserta iaitu boleh dihibahkan atau sebaliknya. Bagi memperoleh dapatan lanjut kajian, penulis telah meneliti dan menganalisa beberapa kajian terdahulu mengenai bidang kajian ini. Oleh yang demikian, sorotan literatur ini terbahagi kepada dua sub topik iaitu prinsip hibah bersyarat dan kedudukan manfaat takaful.

Prinsip Hibah Bersyarat

Terdapat beberapa ulama silam yang telah membicarakan hibah bersyarat dalam karya masing-masing seperti *al-Nawawi* dalam kitabnya *Rawdat al-Tālibin* (1423H), *ibn Qudāmah* (620H) melalui kitabnya *al-Mughnī*, *ibn Rushd* dalam kitab *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtasid* (1415H), dan *Ibn Hazm* dalam kitabnya *Muhallā* (1352H).

Kini terdapat kajian-kajian lain yang dilakukan antaranya artikel Md. Yazid & Ibnor Azli (t.th), Mohd Zamro (2008), Nurul Hazira (2009), Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2010), Noor Lizza et al. (2012), Khairy & Suhaili (2013), Alias et al. (2014) dan Hadi & Rusni (2014).

Hibah biasanya diberi atas dasar kasih sayang malah berlaku secara sukarela semasa pemilik harta masih hidup (Berita Harian, 2016). Meneliti konsep pelaksanaan hibah dalam Islam, Nurul Hazira (2009) berpendapat bahawa hibah merupakan suatu pemberian daripada hak milik seseorang kepada orang lain disertai akad dan pemberian tersebut adalah secara rela hati tanpa mengharapkan balasan daripada orang yang menerima. Sesuatu hibah itu sah dengan adanya *ijāb* dan *qabūl* dengan perkataan atau apa-apa cara yang bererti memberi milik harta tanpa balasan. Dalam kajian Md Yazid & Ibnor Azli (t.th) berpendapat secara ringkas berkaitan hibah dari sudut undang-undang Islam diertikan sebagai pemberian milik sesuatu tanpa balasan semasa hidup berlaku secara sukarela.

Terdapat pelbagai pandangan mengenai kedudukan hibah bersyarat. Antaranya, kajian Noor Lizza Mahamed Said et al. (2012) menyentuh tentang isu hibah dengan syarat balasan atau gantian dan mengetengahkan isu penarikan balik atau pembatalan hibah dengan syarat balasan. Melalui kajian tersebut, hibah dengan syarat balasan atau gantian dalam akad adalah harus sekiranya syarat tersebut menepati hukum syarak disertai dengan pemberian hak milik harta kepada penerima hibah untuk dimanfaatkannya serta mematuhi etika, adat dan undang-undang umum setempat di samping tidak bercanggah dengan tujuan pemberian hibah. Pemberi hibah mempunyai kebebasan untuk menentukan kontrak hibahnya selagi mana menepati kehendak syarak yang jelas (Nasrul, 2012; Alias et al, 2014).

Walaupun hibah bukan prinsip utama dalam operasi Sistem Kewangan Islam tetapi diaplikasikan sebagai prinsip sokongan dalam aktiviti-aktiviti muamalah Islam di Institusi-institusi Kewangan Islam di Malaysia (Nasrul, 2010). Tambahan beliau, hibah diguna pakai dalam kebanyakan produk Takaful Keluarga. Peserta takaful boleh menggunakan hibah untuk mengagihkan manfaat kepada penerima hibah. Menurut Khuzama Ab Rahman dan Farah Adilah (Berita Harian, 2016), pelaksanaan konsep hibah dalam takaful adalah berdasarkan hibah bersyarat. Menurut Nasrul (2010), yang menjadi pertikaian ialah hibah ke atas manfaat takaful diharuskan selagi ia adalah hak

milik peserta takaful walaupun hibah bersyarat menjadi percanggahan antara ahli fiqh. Selain itu, pertikaian juga berlaku dari sudut sahnya akad hibah tersebut mengikut hukum syarak atau waris tidak bersetuju dengan kandungan hibah itu selepas kematian pemberi hibah (Mohd Zamro, 2008).

Sejak tahun 2003 lagi, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia meluluskan konsep hibah bersyarat malah telah mengguna pakai prinsip hibah bersyarat dalam pelaksanaan pemberian manfaat Takaful (BNM 2010). Malah, Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali ke-56 pada 5 Oktober 2000 memutuskan perletakan syarat adalah dibenarkan antara pemberi dan penerima hibah setelah berlaku *tjāb* dan *qabūl* (Mohd Zamro, 2008). Menerusi kajiannya, prinsip hibah bersyarat yang dipertikai tersebut turut diguna pakai sebagai asas syariah dalam pelaksanaan borang akaun hibah yang membabitkan akaun bersama tabung unit amanah terutamanya akaun yang dipegang oleh orang Islam berdasarkan kepada keputusan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Suruhanjaya Sekuriti. Hal sedemikian menunjukkan bahawa hibah bersyarat telah diaplikasikan secara meluas.

Namun begitu, meneliti kajian Mohd Hadi dan Rusni (2014), sebahagian pengendali Takaful agak keberatan untuk menggunakannya walaupun mereka telah menggunakan konsep hibah bersyarat dalam pembayaran manfaat takaful. Menurut pengkaji, tanpa kewujudan statut hibah yang boleh mengesahkan pelaksanaan hibah bersyarat oleh peserta-peserta takaful, hibah bersyarat tersebut boleh dicabar di mana-mana mahkamah. Hal ini menunjukkan kedudukan Mahkamah Syariah tergugat. Kesannya, terdapat pemberi hibah yang membatalkan pemberiannya tanpa mengambil kira atau mempertimbangkan segala kesulitan yang akan dihadapi oleh penerima hibah (Noor Lizza et al, 2013).

Merentasi kertas kerja Mohd Zamro Muda (2008), pengkaji menyuarakan keperluan kepada suatu undang-undang khusus yang berkaitan pemberian hibah dan pentadbirannya supaya kekeliruan masyarakat berhubung hibah dapat diatasi di samping mengukuhkan kewibawaan Mahkamah Syariah yang sering kali dipandang enteng. Hal ini kerana menurut kajian Noor Lizza et al. (2013), di Malaysia tiada peruntukan statut khusus berkaitan hibah tetapi terdapat peruntukan hibah dalam Undang-undang Sivil Syria 1949.

Menerusi kajian Mohd Khairy dan Suhaili (2013); Hadi dan Rusni (2014) menyatakan kedudukan pelaksanaan kontrak hibah bersyarat yang tidak disepakati oleh ulama-ulama fiqh menjadi kukuh melalui penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) pada Jadual 10. Hibah bersyarat tersebut tidak boleh dicabar oleh undang-undang bertulis lain.

Walaupun pengenalan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 memperkukuhkan kedudukan hibah, namun perenggan-perenggan lain perlu juga diperhalusi kerana Jadual 10 APKI 2013 meliputi pelbagai aspek berkaitan hibah bersyarat. Pengkaji mendapati bahawa kajian-kajian lepas menjurus kepada konsep dan hukum hibah bersyarat. Memandangkan APKI 2013 telah mengiktiraf hibah bersyarat yang diaplikasikan dalam takaful, apakah dasar yang digunakan terhadap pengiktirafan tersebut? Hal demikian kerana melalui kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa hibah bersyarat adalah tidak disepakati antara ahli fiqh.

Umrā dan Ruqbā

Menurut kajian Mohd Zamro (2008) dan Alias et al. (2014), majoriti ulama berpendapat bahawa hibah bersyarat yang bersifat sementara seperti *umrā* dan *ruqbā* adalah sah tetapi syaratnya terbatal disebabkan oleh kewujudan syarat tersebut dianggap bertentangan dengan kehendak akad hibah itu sendiri. Dalam kajian Noor Syahida et al. (2016), pandangan mengenai *umrā* dan *ruqbā* diperselisihkan dalam kalangan fuqaha

adalah dari aspek pemahaman hadis. Dalam karya al-Nawawi (2003), fuqaha *qawl al-jadid* berpendapat hibah dengan syarat *umrā* dan *ruqbā* adalah sah. Namun, syarat *ruju* adalah batal dan dianggap tiada. Imam Ahmad meriwayatkan (Ibn Qudāmah, 1997) *ruqbā* berlaku apabila penghibah berkata, “*Harta ini milikmu sepanjang hidupmu, apabila kamu mati harta ini milik si fulan atau kembali semula kepadaku*”. Berdasarkan riwayat ini, Ali RA menyatakan *ruqbā* dan *umrā* adalah serupa. Hal ini kerana wujud syarat pengembalian harta tersebut apabila penerima hibah meninggal dunia. Al-Zuhrī tidak menganggap sebagai *ruqbā* tetapi sebagai wasiat. Manakala al-Hasan, Malik, dan Abu Hanifah berpendapat bahawa *ruqbā* adalah batal. Hal demikian kerana Rasulullah s.a.w mengharuskan *umrā* dan membatalkan *ruqbā* (Mohd Zamro, 2008).

Pemakaian *umrā* dan *ruqbā* adalah satu keperluan sebagai instrumen agihan harta selain faraid, wasiat, amanah, wakaf, dan nazar. Hal ini adalah berasaskan kepada keperluan dan perancangan pemilik harta itu sendiri (Nasrul, 2012). Al-Syafi'i menerima pakai hibah yang berlaku secara *umrā* dan *ruqbā* atas faktor memudahkan urusan umat Islam berhubung harta pusaka. Walaupun syarat tersebut bertentangan dengan kehendak hibah itu sendiri, namun akad hibah tetap sah (Noor Syahida et al, 2016).

Namun begitu, Nasrul (2012) berpendapat bahawa elemen *gharar* merupakan asas yang menyebabkan terbatalnya syarat *umrā* dan *ruqbā*. Menurut pengkaji, *umrā* dan *ruqbā* itu boleh dikuatkuasakan kerana tidak berkait dengan isu *gharar* dan elemen tersebut tidak memberi sebarang kesan ke atas kontrak *tabarru* yang diterima pakai dalam takaful. Hal ini kerana *gharar* tidak terpakai dalam kontrak yang bersifat sukarela seperti hibah.

Kedudukan Manfaat Takaful

Kajian lepas mengenai manfaat takaful telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji seperti Azman & Asmadi (2008), Naziree (2008), Asmak & Shamsiah (2010), Khairy & Suhaili (2013), Basri & Fadhil (2015), dan Ilanis & Zamro (2015).

Takaful merupakan suatu kontrak yang mana peserta-peserta takaful melakukan sumbangan sejumlah wang tertentu kepada suatu kumpulan yang sama bertujuan saling menjamin antara satu sama lain dan melantik satu badan yang bertindak sebagai pengurus dana tersebut (Ahmad Basri & Ahmad Fadhil, 2015). Terdapat dua jenis akaun bagi Pelan Takaful Keluarga iaitu Akaun Peserta dan Akaun Khas Peserta (Nurul Ilanis & Mohd Zamro, 2015). Pembayaran yang dilakukan oleh peserta takaful akan didepositkan ke dalam kedua-dua akaun tersebut berdasarkan kadar yang telah dipersetujui antara pihak peserta dan pengendali takaful (Azman & Asmadi, 2008). Wang yang didepositkan ke dalam Akaun Peserta dianggap sebagai simpanan peserta manakala Akaun Khas Peserta pula adalah bertujuan menderma (Azman & Asmadi, 2008; Asmak & Shamsiah, 2010).

Menurut kajian Asmak dan Shamsiah (2010), apabila kontrak tersebut matang atau peserta membatalkan polisi, peserta akan memperolehi seluruh wang yang disimpan termasuk keuntungan pelaburan daripada Akaun Peserta. Sehubungan itu, Naziree (2008) menyatakan Akaun Khas Peserta yang bersifat tabung khairat berfungsi untuk didermakan kepada waris peserta yang ditimpa bencana. Wang dalam akaun tersebut tidak sepenuhnya didepositkan oleh seorang peserta tetapi merupakan wang daripada peserta-peserta lain. Walaupun peserta tidak mempunyai kebebasan untuk menguruskan wang tersebut tetapi wang tersebut akan menjadi miliknya selepas kematian atau berlaku keilatan kekal. Persoalannya, adakah wang tersebut merupakan hak pencarum?

Dalam kajian Basri dan Fadhil (2015), jumlah tertentu yang akan dikeluarkan adalah daripada dana *tabarru* melalui persetujuan mereka menyumbang kepada dana. Menurut Azman dan Asmadi (2008), tiada persoalan berkaitan perwarisan kewangan

dalam Akaun Peserta sebagai harta pusaka si mati apabila berlaku kematian peserta. Namun, berhubung pembayaran wang oleh pengendali takaful yang dikeluarkan melalui Akaun Khas Peserta sebagai manfaat kematian masih lagi menjadi persoalan.

Menurut kajian Khairy dan Suhaili (2013), manfaat takaful merupakan bantuan kewangan yang memberi perlindungan kepada benefisiari-benefisiari apabila berlaku kematian terhadap seorang peserta caruman sebelum tempoh matang polisi takaful. Penerima hibah boleh menuntut manfaat takaful tanpa melalui proses tuntutan pusaka. Nasrul (2010) berpendapat bahawa hibah terhadap manfaat takaful diguna pakai supaya bayaran wang manfaat tersebut dapat diserahkan kepada keluarga terdekat pencarum.

Kajian tersebut berdasarkan kepada keputusan MPS BNM pada 21 April 2003, hibah ke atas manfaat takaful diharuskan selagi ia adalah hak yang dimiliki oleh peserta. Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (2010) menjelaskan bahawa memandangkan manfaat takaful adalah hak peserta, maka peserta bebas untuk mengendalikan hak tersebut mengikut pilihannya tanpa bercanggah dengan syarak. Persoalannya di sini, bagaimanakah peserta hendak mengendalikan hak ke atas manfaat tersebut sedangkan ia tidak mempunyai kebebasan sepenuhnya ke atas wang itu?

Pada 2 Ogos 2005, MPS BNM memutuskan pembayaran manfaat takaful tidak akan menjadi sebahagian daripada harta pusaka malah manfaat takaful yang dihibahkan menyamai konsep perlindungan berkanun yang dipraktikkan oleh insurans konvensional dan status hibah yang digunakan tidak akan menjadi wasiat dan sebagainya (BNM, 2010). Seterusnya, dalam peruntukan Jadual 10 Perenggan 3(2) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 juga menyatakan manfaat takaful tersebut akan menjadi milik penerima hibah dan bukan sebahagian daripada harta pusaka peserta mahupun hutang peserta takaful yang meninggal dunia (Khairy & Suhaili, 2013).

Memandangkan hibah bersyarat diaplikasikan dalam takaful, peruntukan Perenggan 4(3) APKI 2013 berkaitan manfaat takaful tidak menjadi pusaka kepada penerima hibah dan pemberian hibah tersebut adalah terbatal jika penerima hibah meninggal dunia sebelum peserta takaful. Timbul persoalan di sini, sekiranya pembayaran manfaat bukan sebahagian daripada harta pusaka peserta, adakah pelaksanaan hibah ke atas manfaat takaful relevan? Sedangkan pemberian adalah sah ketika hidup pemberi hibah.

Azman dan Asmadi (2008) menyatakan bahawa Undang-undang Islam atau keputusan muzakarah fatwa kebangsaan mahupun fatwa negeri tidak memperuntukkan hukum berkaitan kedudukan wang yang dibayar oleh pengendali takaful sebagai pampasan apabila berlaku kematian peserta takaful. Menurut Akmal Hidayah (2013), status pampasan bagi polisi insurans konvensional telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-94 bahawa pampasan yang diterima oleh ahli waris dianggap sebagai harta peserta tidak patuh syariah yang mana jumlah pembayaran pokok sahaja dikategorikan sebagai harta pusaka kerana sumbangan kepada takaful dibuat semasa hayat peserta, maka maanfaat takaful dianggap sebagai harta pusaka si mati berikutan usaha yang dilakukan semasa hidup.

Seterusnya, menurut Naziree (2008), pampasan yang bakal diterima oleh penerima hibah bukan sahaja wang miliknya sendiri tetapi hasil daripada sumbangan peserta-peserta takaful lain yang turut mencarum. Memandangkan pemberi hibah tidak mempunyai kebebasan sepenuhnya untuk mengendalikan wang tersebut, ini menunjukkan bahawa pemberi hibah telah menghibahkan sesuatu yang bukan miliknya dan hibah tersebut lebih bersifat *gift-in-future* (pemberian akan datang). Hakikatnya, pemilikan harta hibah berlaku selepas pemberi hibah meninggal dunia atau berlaku keilatan kekal. Menurut pengkaji, meletakkan syarat terhadap sesuatu harta yang

bersifat kemungkinan wujud pada masa akan datang adalah batal kerana seolah-olah menanti sesuatu musibah berlaku.

Menurut Azman dan Asmadi (2008), melalui usaha peserta yang menyertai polisi dan pembayaran bulanan adalah mencukupi untuk membentuk hasil sebagai *tarikah*. Tanpa penyertaan pemegang polisi, pengendali takaful tidak akan membuat pembayaran. Pengkaji menjelaskan bahawa bayaran bagi manfaat takaful selepas kematian peserta sebelum kematangan polisi dilihat menjadi pemilikan kepada waris-waris peserta yang layak berikutan sebagai produk hasil usaha si mati dan manfaat tersebut sebahagian daripada *tarikahnya*.

Oleh itu, pengkaji mencadangkan wang tersebut dibahagi antara waris-waris pemegang polisi berdasarkan kepada undang-undang *farā'id* meskipun pembayaran berlaku selepas kematian peserta. Hakimah Yaacob (Berita Harian, 2016) turut mencadangkan perkara yang sama atas alasan manfaat tersebut sebahagian daripada harta pusaka peserta disebabkan oleh ketiadaan penerima bahagian hibah. Hal ini berlaku apabila kematian penama berlaku sebelum peserta dan penamaan baharu tidak dilakukan.

Menurut Ilanis dan Zamro (2015), wang pampasan takaful yang diperoleh daripada Akaun Khas Peserta tidak boleh dianggap sebagai harta pusaka. Pengkaji berpendapat, apabila wang tersebut telah bercampur dengan harta orang lain, pemilikan harta tersebut tidak dikategorikan sebagai pemilikan sempurna. Memandangkan dalam Akaun Khas Peserta telah wujud wang *tabarru'* peserta-peserta takaful, maka kedudukan asal wang pampasan si mati sebagai harta pusaka terjejas. Oleh yang demikian, ahli-ahli waris si mati tidak berhak menuntut wang pampasan tersebut melainkan wang pampasan daripada Akaun Peserta sahaja.

Nurdianawati dan Nazlianatul (2010) tidak menafikan wang daripada Akaun Peserta merupakan harta pusaka yang dipertanggungjawabkan kepada penama untuk diagih mengikut Undang-undang Pusaka Islam (*farā'id*). Manakala wang daripada Akaun Khas Peserta yang merupakan hasil *tabarru'* peserta-peserta takaful yang dianggap sebagai manfaat takaful tidak menjadi sebahagian daripada harta pusaka kerana bukan hak peserta ketika hidup. Persoalannya, memandangkan manfaat takaful bukan hak peserta semasa hayatnya, adakah ia boleh dihibahkan? Oleh yang demikian, status kedua-dua akaun tersebut dalam dana takaful keluarga sepatutnya jelas untuk menentukan sama ada pengagihan manfaat takaful tertakluk kepada perancangan harta pusaka seperti hibah, wasiat atau *farā'id* (Nurdianawati & Nazlianatul, 2010).

Kajian ini mendapati bahawa kajian-kajian lepas menjurus kepada aspek pengurusan polisi dan pembayaran manfaat takaful. Oleh itu, keperluan kajian khusus dilakukan terhadap kedudukan manfaat takaful sama ada boleh dihibahkan atau sebaliknya.

ANALISIS SOROTAN LITERATUR

Bab ini dianalisis berdasarkan kepada pandangan sarjana mengenai prinsip hibah bersyarat dan kedudukan manfaat takaful. Merujuk kepada sorotan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan, hibah bersyarat telah diterima pakai dalam takaful. Dana yang terbentuk melalui Akaun Khas Peserta merupakan hasil sumbangan daripada peserta-peserta takaful.

Prinsip *tabarru'* dijalankan terhadap dana tersebut di mana peserta akan memperolehi manfaat takaful sekiranya berlaku kematian atau mengalami keilatan kekal. Persoalan yang timbul berkaitan hibah bersyarat berikut adalah dari aspek sahnya hukum kerana berlaku percanggahan pendapat dalam kalangan ulama fiqh. Seterusnya, status manfaat takaful masih lagi tidak jelas sama ada boleh dihibahkan atau sebaliknya.

Oleh itu, keperluan untuk melihat kontrak hibah yang dijalankan dalam takaful bagi memastikan status sebenar dana tabung sumbangan tersebut.

a) Prinsip Hibah Bersyarat

No	Penulis	Hasil Kajian
1)	Md. Yazid & Ibnor Azli (t.th), Nurul Hazira (2009), Khuzama & Farah Adilah (2016)	<ul style="list-style-type: none"> Hibah: suatu pemberian milik sesuatu barang seseorang kepada orang lain tanpa balasan disertai akad dan pemberian secara sukarela semasa hidup. Kontrak hibah sah apabila wujudnya <i>ijāb</i> dan <i>qabūl</i>.
2)	Noor Lizza et al. (2012), Nasrul (2012), Alias et al. (2014)	<ul style="list-style-type: none"> Hibah bersyarat: diharuskan jika syarat tersebut tidak bertentangan dengan hukum syarak. Perlunya pemberian hak milik harta tersebut kepada penerima hibah dan mematuhi etika, adat serta <i>‘uruf</i> setempat tanpa bercanggah dengan tujuan pemberian hibah.
4)	Mohd Zamro (2008), Alias et al.(2014)	<ul style="list-style-type: none"> Majoriti ulama berpandangan bahawa hibah bersyarat adalah bersifat sementara seperti <i>umrā</i> dan <i>ruqbā</i>. Hukum hibah bersyarat adalah sah tetapi syarat terbatal.
5)	Nasrul (2012)	<ul style="list-style-type: none"> Elemen <i>gharar</i> menyebabkan batalnya syarat hibah <i>umrā</i> dan <i>ruqbā</i>. Hibah <i>umrā</i> dan <i>ruqbā</i> boleh dikuatkuasakan kerana <i>gharar</i> tidak memberi kesan kepada kontrak hibah.
6)	Ibn Qudāmah (1997)	<ul style="list-style-type: none"> Āli r.a menyatakan <i>ruqbā</i> dan <i>umrā</i> adalah serupa. Syarat pengembalian harta berlaku apabila penerima hibah meninggal dunia.
7)	Resolusi Kewangan Islam BNM (2010), Nasrul (2010), Khuzama & Farah (2016)	<ul style="list-style-type: none"> Hibah yang diaplikasi dalam takaful adalah berdasarkan hibah bersyarat.
8)	Nasrul (2010)	<ul style="list-style-type: none"> Hibah bersyarat yang diaplikasikan dalam bayaran manfaat takaful tidak tertakluk kepada peraturan pusaka. Walaupun diterima pakai ke atas manfaat takaful diharuskan, tetapi terdapat percanggahan dalam kalangan ahli-ahli fiqh.
9)	Mohd Hadi & Rusni (2014)	<ul style="list-style-type: none"> Sebahagian pengendali takaful keberatan untuk menerima pakai hibah bersyarat. Tanpa kewujudan statut hibah yang boleh mengesahkan pelaksanaan hibah bersyarat oleh peserta takaful, hibah tersebut boleh dicabar oleh mana-mana mahkamah.
10)	Khairy & Suhaili (2013), Mohd Hadi & Rusni (2014)	<ul style="list-style-type: none"> Kedudukan hibah bersyarat adalah tidak disepakati oleh ulama-ulama fiqh.

- Melalui peruntukan Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, hibah bersyarat tidak boleh dicabar oleh mana-mana undang-undang bertulis.

b) Status Manfaat Hibah Takaful

No	Penulis	Hasil Kajian
1)	Azman & Asmadi (2008), Nasrul (2010)	<ul style="list-style-type: none"> • Prinsip hibah diguna pakai dalam kebanyakan produk Takaful Keluarga.
2)	Azman & Asmadi (2008), Asmak & Shamsiah (2010), Basri & Fadhil (2015), Ilanis & Zamro (2015)	<ul style="list-style-type: none"> • Akaun simpanan peserta terbahagi kepada dua iaitu Akaun Peserta yang berlaku di antara peserta dan pengendali takaful. Seterusnya, Akaun Khas Peserta iaitu hubungan antara peserta-peserta takaful di mana sebahagian daripada wang peserta akan didepositkan atas dasar <i>tabarru'</i> dalam akaun ini.
3)	Naziree (2008)	<ul style="list-style-type: none"> • Akaun Khas Peserta adalah bersifat tabung khairat. • Terdiri daripada wang yang disumbang oleh peserta-peserta takaful. • Peserta tidak mempunyai kebebasan untuk menguruskannya • Pampasan yang bakal diterima oleh penerima hibah bukan wang milik peserta sahaja. • Pemberi hibah telah menghibahkan sesuatu yang bukan miliknya. • Meletakkan syarat bagi sesuatu harta yang berkemungkinan wujud pada masa akan datang adalah batal.
4)	Azman & Asmadi (2008)	<ul style="list-style-type: none"> • Akaun Peserta merupakan harta pusaka si mati. • Pembayaran wang oleh pihak takaful yang dikeluarkan melalui Akaun Khas Peserta sebagai manfaat kematian masih kabur dari aspek kedudukan wang tersebut. • Tiada peruntukan undang-undang atau fatwa khusus mengenai kedudukan manfaat wang yang dibayar.
5)	Basri & Fadhil (2015)	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah tertentu yang dikeluarkan oleh pengendali takaful adalah daripada dana <i>tabarru'</i> melalui persetujuan peserta-peserta yang menyumbang kepada dana tersebut.
6)	Nasrul (2010)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan hibah terhadap manfaat takaful supaya bayaran dapat diserahkan kepada keluarga terdekat pencazum.

7) BNM (2010)	<ul style="list-style-type: none"> • Keputusan MPS BNM pada 21 April 2013: Hibah ke atas manfaat takaful adalah harus selagi ia hak yang dimiliki oleh peserta. • Memandangkan manfaat takaful adalah hak peserta, peserta bebas untuk mengendalikan hak tersebut mengikut pilihannya tanpa bercanggah dengan syarak. • Keputusan MPS BNM pada 2 Ogos 2005: Pembayaran manfaat takaful tidak akan menjadi sebahagian daripada harta pusaka. • Status hibah yang digunakan tidak akan menjadi wasiat, harta pusaka dan sebagainya.
8) Khairy & Suhaili (2013)	<ul style="list-style-type: none"> • Manfaat takaful menjadi milik penerima hibah dan bukan sebahagian daripada harta pusaka peserta melalui peruntukan Jadual 10 Perenggan 3(2) APKI 2013. • Alasan: manfaat takaful diberikan oleh peserta semasa hayatnya. • Manfaat takaful tidak menjadi pusaka penerima hibah dan hibah terbatal apabila kematian penerima hibah sebelum pemberi hibah berdasarkan Perenggan 4(3) APKI 2013. • Peruntukan tidak selari dengan konsep sebenar hibah apabila penerima hibah meninggal dunia.
9) Ilanis & Zamro (2015)	<ul style="list-style-type: none"> • Wang pampasan takaful yang diperoleh daripada Akaun Khas Peserta tidak boleh dianggap sebagai harta pusaka. • Wang tersebut telah bercampur dengan harta orang lain. • Kedudukan asal wang pampasan si mati sebagai harta pusaka terjejas apabila wujud wang <i>tabarru'</i> oleh peserta takaful.
10) Nurdianawati & Nazlianatul (2010)	<ul style="list-style-type: none"> • Wang daripada Akaun Khas peserta merupakan hasil <i>tabarru'</i> pencarum dan bukan hak peserta ketika hidup. • Status akaun dalam dalam dana takaful keluarga tidak jelas.

Merujuk kepada kajian-kajian lepas yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa terdapat percanggahan tentang hibah bersyarat dalam kalangan sarjana. Sebahagian berpendapat, kontrak hibah sah tetapi syarat tersebut adalah batal. Walau bagaimanapun, hibah bersyarat telah diguna pakai dalam industri takaful bersandarkan kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang mengharuskannya. Hibah bersyarat dilaksanakan dalam manfaat takaful digambarkan sebagai galakan kepada pencarum untuk menamakan penerima hibah yang dicadangkan bagi memudahkan pengurusan pihak pengendali takaful.

Seterusnya, timbul persoalan apabila manfaat takaful yang diperoleh melalui Akaun Khas Peserta hasil daripada sumbangan peserta-peserta takaful dihibahkan dengan syarat kematian peserta. Dana tersebut adalah hasil caruman pencarum atas dasar *tabarru'* dan transaksi serahan milikan kepada penerima belum berlaku. Oleh itu,

kedudukan manfaat takaful perlulah jelas bagi menghilangkan keraguan masyarakat dalam mempraktikkan hibah terhadap harta mereka.

PENUTUP

Berdasarkan kajian-kajian lepas, hibah yang diaplikasikan ke atas manfaat takaful akan diperoleh setelah berlakunya kematian peserta takaful dan boleh dituntut tanpa melalui proses tuntutan pusaka. Pengendali takaful dikehendaki membayar manfaat takaful kepada penama yang ditentukan oleh peserta takaful. Pengenalan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 telah mengiktiraf hibah bersyarat untuk diguna pakai dalam pengagihan manfaat takaful.

Hibah bersyarat diterima pakai atas sebab *maslahah* umum. Ia dilaksanakan dalam takaful bagi memudahkan pengurusan harta orang Islam. Hal ini adalah sebagai pemudah cara terhadap urusan agihan harta orang Islam di samping mengatasi masalah harta pusaka yang tidak dituntut. Justeru, kajian akan datang perlu dijalankan dengan lebih terperinci berkaitan kedudukan hibah dalam produk takaful bagi memastikan status sebenar wang daripada akaun tersebut sama ada boleh dihibahkan atau sebaliknya.

RUJUKAN

- Ahmad Basri & Ahmad Fadhil Hamdi Mohd Ali. 2015. *Absolute Assignment In Takaful Industry: Shari'ah Contracts, Issues and Solutions*. Intellectual Discourse 23: 507-528.
- Akmal Hidayah Halim. 2013. *Wasiat Dan Hibah: Hukum Dan Prosedur*. Kertas Kerja Seminar Wanita Dan Syariah: Mengurus Harta Bukan Sekadar Merancang Kewangan Mahkamah Mut: UIA. 17 Disember.
- Akmyr Syahar Azwar. 2016. *Industri takaful terus berkembang*. Utusan Malaysia. 17 Februari.
- Alias Bin Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Noor. 2014. *Pengurusan Harta Dalam Islam: Perspektif Hibah di Malaysia*. Journal Of Human Development And Communication 3: 115-128.
- Asmak Ab Rahman & Shamsiah Mohamad. 2010. *Analysis Of Tabarru' Principle In Takaful Contract: Malaysian Experience*. Proceedings Of 2010 International Conference On Humanities, Historical and Social Sciences (CHHSS).
- Azman Bin Mohd Noor & Asmadi Bin Abdullah. 2008. *Ownership And Hibah Issues Of The Takaful Benefit*. ISRA Islamic Finance Seminar (IIFS).
- Bank Negara Malaysia. 2010. *Shariah Resolution in Islamic Finance*. Bank Negara Malaysia.
- Hailani Muji Tahir & Sanep Ahmad. 2009. *Aplikasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Hakimah Yaacob. 2015. Manfaat takaful dihibahkan berbanding faraid. Berita Harian. 15 Mei.
- Ibn Manzūr, Jamāl al-Din Muhammad bin Mukram. t.th. *Lisān al-ʿArab*. Beirut: Dar Sādir.
- Ibn Qudāmah, Muhammad ʿAbdullah bin Ahmad. 1997. *al-Mughnī*. Riyāḍ: Dar ʿĀlam al-Kutub.
- al-Jurjānī, Ali bin Muhammad. 1413M. *Muʿjam al-Taʿrīfāt*. Kaherah: Dar al-Fadīlah.
- Khuzama Abd Rahaman & Farah Adilah Mohd Apandi. 2016. *Dapat manfaat hibah selepas kematian*. Berita Harian. 21 Februari.

- Md. Yazid Ahmad & Ibnor Azli Ibrahim. t.th. *Amalan Penamaan Harta Orang Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas Menurut Syariah Islamiah*. Jurnal Pengajian Umum.
- Mohamad Akram Laldin. 2010. Takaful Dengan Takaful Semula: Perbincangan Beberapa Isu. Prosiding Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam Kuala Lumpur Islamic Finance Forum 2006-2007: CERT Publications.
- Mohamed Hadi bin Abdul Hamid & Rusni Hassan. 2014. *Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013: Tinjauan Awal Kesannya Dalam Industri Takaful*. Kanun 26(2): 254-267.
- Mohd Kamil Ahmad & Joni Tamkin Borhan. 2017. *Penggunaan Hibah Bersyarat (Berta'aliq) dalam Masalah Pembahagian Manfaat Takaful: Analisis Hukum*. Jurnal Syariah 25(1): 51-74.
- Mohd Khairy Kamarudin & Suhaili Al-Ma'amun. 2013. *Implikasi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 Ke Atas Industri Takaful di Malaysia: Tumpuan Kepada Penamaan Dan Hibah Manfaat Takaful*. Regional Seminar On Islamic Higher Educational Institutions.
- Mohd Zamro Muda. 2008. *Instrumen Hibah dan Wasiat: Analisa Hukum dan Aplikasi di Malaysia*. Kertas Kerja Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan Anjuran JAKIM.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2010. *Pemakaian Prinsip Hibah dalam Sistem Kewangan Islam di Malaysia: Tumpuan Kepada Industri Perbankan Islam dan Takaful*. Jurnal Teknologi.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2012. *Umrā dan Ruqbā: Analisis Mengenai kesannya Terhadap Kontrak Hibah dan Potensinya Sebagai Instrumen Agihan Harta*. Jurnal Syariah 20(1): 1-46.
- Naziree B. Md Yusof. 2008. *Hukum Wisoyah & Realiti Permasalahannya Dalam Konteks Perancangan Pusaka Islam*. Jurnal Muamalat.
- Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang & Amir Husin Mohd Nor. 2012. *Hibah Dengan Syarat Balasan Menurut Pandangan Fuqaha dan Kedudukannya Dalam Undang-undang Sivil Jordan*. Jurnal Syariah 20(3): 309-328.
- Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang, Amir Husin Mohd Nor, Mohd Zamro Muda, Abdul Basir Mohamad. 2013. *Revocation Of Gift (Hibah) According To Islamic Law And Its Practice Under Syria Civil Law 1949*. International Business Management 7(1): 1-7.
- Noor Syahida Abdul Rahman, Mohd Musa Sarip & Mohamad Sabri Haron. 2016. *Hibah Umra dan Ruqba dalam Al-Umm: Satu Analisis*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. 3(2).
- Nurdianawati Irwani Abdullah & Nazlianatul Aniza Abdul Aziz. 2010. *Case Studies Of The Practice Of Nomination And Hibah By Malaysian Takaful Operators*. ISRA International Journal Of Islamic Finance 2(2): 67-100.
- Nurul Hazira bt Rahmat. 2009. *Perancangan Harta Mengikut Undang-Undang Islam Menggunakan Konsep Hibah*. Johor: Fakulti Kejuteraan dan Sains Geoinformasi UTM.
- Nurul Ilanis Mat Akhir & Mohd Zamro Muda. 2015. *Penentuan Insurans Nyawa Dan Takaful Keluarga Sebagai Harta Pusaka: Kajian Menurut Islam Dan Undang-undang Di Malaysia*. E-Prosiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis).
- al-Zuhaylī, Wahbah. 1984. *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zuhaylī, Wahbah. 2008. *Al-Fiqh al-Shafi'i al-Muyassar*. Beirut: Dar al-Fikr.

Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2012. *Muamalat dan Kewangan Islam Dalam Fiqh Syafi'i*.
Selangor: Darul Syakir Enterprise.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.